



PENGESAHAN TELAH SIAP

- Kemukakan borang permohonan siap (D, E, F).
- Kepilkan bersama resit asal Wang Cagaran RM750.00 dan resit asal Permit Perlupusan Sisa Binaan RM100.00 (Yang telah disahkan oleh petugas tempat perlupusan).


VISI

Menjadikan Seberang Perai bersih, indah dan selesa didiami, bekerja serta menjadi


MISI

Menyediakan perkhidmatan perbandaran, perancangan pembangunan dan infrastruktur yang cekap, berkesan dan responsif kepada kehendak komuniti

PANDUAN TAMBAHAN KECIL RUMAH KEDIAMAN TAMAN PERUMAHAN



CARTAALIRAN TAMBAHAN & PINDAAN KECIL
RUMAH KEDIAMAN DALAM TAMAN PERUMAHAN (BUKU PANDUAN)



UNTUK SEBARANG PERTANYAAN

SILA HUBUNGI :

JABATAN BANGUNAN

MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

Tingkat 6, Jalan Perda Utama

Bandar Perda,

14000 Bukit Mertajam,

Pulau Pinang

No. Tel: 04-549 7737

FAX : 04-549 7595

EMAIL : bgn@mpsp.gov.my

MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

Jalan Perda Utama, Bandar Perda

14000 Bukit Mertajam

Tel:04-549 7555 Fax: 04-538 9700



www.mpsp.gov.my

PERMOHONAN PANDUAN TAMBAHAN KECIL RUMAH KEDIAMAN TAMAN PERUMAHAN (BAGI TAMBAHAN TINGKAT BAWAH SAHAJA)

TUJUAN BUKU PANDUAN DIADAKAN

Menetapkan garis panduan untuk pemilik bangunan menjalankan kerja-kerja tambahan kecil kepada rumah kediaman sahaja yang boleh mendapat kelulusan secara permit.

Mengawal pembinaan, menguatkuasakan tindakan dan mengelakkan pemilik bangunan daripada menjalankan kerja-kerja tanpa kebenaran.

GARIS PANDUAN

- Permohonan permit ini hanya layak dipertimbangkan untuk tambahan kecil sahaja.
- Kerja-kerja pembinaan tambahan kecil hendaklah mematuhi dan tertakluk kepada Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1986.
- Pemilik bangunan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap binaan yang dibina, kestabilan dan kekuatan struktur.
- Pemilik bangunan bertanggungjawab memastikan binaan disiapkan dengan kemas, dilepa dan dicat serta tidak mengakibatkan gangguan kepada jiran.
- Tambahan sama ada berupa binaan atas tanah atau bawah paras tanah tidak boleh masuk ke lot jiran dan keluar dari sempadan lot melainkan mendapat kebenaran bertulis daripada jiran atau MPSP.
- Aspek-aspek pengawalan kebakaran hendaklah dititikberatkan dan bertanggungjawab terhadapnya.

- Bahan-bahan serta sisa-sisa binaan hendaklah diletakkan pada tempat yang tidak menghalang lalu lintas dan hendaklah dibersihkan dari tapak setelah kerja-kerja selesai dijalankan.
- Pemilik bangunan hendaklah memastikan bil taksiran dan tunggakan (jika ada) dijelaskan sebelum membuat permohonan (salinan bil taksiran terkini yang telah dijelaskan ketika memohon).

BAYARAN PERMIT DAN WANG CAGARAN

- Bayaran permit untuk setiap permohonan hendaklah dibayar kepada MPSP seperti berikut:
 - a) Belum Bina: RM50.00
 - b) Telah Bina: RM250.00
- Pemilik bangunan dikehendaki menjelaskan permit perletakan bahan binaan RM250.00, permit perlupusan sisa binaan RM100.00 dan wang cagaran sebanyak RM750.00 bersama-sama permohonan permit ini.
- Wang cagaran akan dikembalikan semula apabila :
 - a) Tambahan disiapkan mengikut pelan lakar dan garis panduan
 - b) Pemilik membersihkan semua sisa dan bahan binaan dari tapak
 - c) Resit asal wang cagaran dan resit asal bayaran permit perlupusan sisa binaan yang telah disahkan diserahkan semula kepada MPSP.
- Permohonan permit ini dibenarkan untuk tempoh satu (1) tahun sahaja dari tarikh kelulusan.
- Permohonan baru hendaklah dikemukakan semula setelah tamat tempoh permit berkenaan.
- Wang cagaran tidak akan dikembalikan sekiranya :
 - a) Tambahan tidak mengikut pelan lakar dan garis panduan.
 - b) Tapak tidak teratur.
 - c) Sisa bahan binaan masih tidak dikemaskan.
 - d) Resit asal wang cagaran tidak dikemukakan.
 - e) Resit bayaran permit perlupusan sisa binaan yang telah disahkan tidak disertakan.
 - f) Pemilik bangunan membatalkan sendiri permohonan.
 - g) Pelan Permit telah tamat tempoh satu (1) tahun dan binaan masih belum dijalankan.

- Pelekat Pemberitahuan ini hendaklah dilekatkan di tempat yang selamat dan mudah dibaca.
- Kegagalan menyediakan pelekat ini, boleh dianggap pihak Pemunya Bangunan tidak mendapat kelulusan bertulis daripada MPSP bagi membina bangunan / pindaan kepada bangunan.



KEPERLUAN BINAAN DAN BATASAN

- Tambahan hanya dibenarkan untuk satu (1) tingkat sahaja.
- Bumbung dari jenis konkrit tetulang adalah tidak dibenarkan.

CARA PERMOHONAN

- Kemukakan borang permohonan asal berserta dengan pelan-pelan lakar berkaitan (boleh diperolehi dari buku panduan keratan A, B, C).
- Salinan gambar asal rumah hendaklah dilekatkan dalam kertas A4 dan dituliskan alamat rumah :
 - i. Pandangan Depan
 - ii. Pandangan Belakang
 - iii. Pandangan Sisi (jika berkaitan)
- Jelaskan bayaran permit seperti berikut :
 - a) RM50.00 (belum bina) / RM250.00 (telah bina)
 - b) Permit perletakan bahan binaan RM250.00
 - c) Permit Perlupusan Sisa Binaan RM100.00
 - d) Bayaran Wang Cagaran RM750.00.
- Sila sertakan salinan resit bayaran cukai taksiran rumah terkini (tanpa tunggakan).